
Amalan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan

Sivasanggari Saktianayakan¹, Zamri Mahamod², Norasmah Othman³

¹ *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia*
E-mail: shivasanggari9803@gmail.com

² *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Malaysia*
E-mail: d-zam@ukm.edu.my

³ *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Malaysia*
E-mail: lin@ukm.edu.my

Abstrak

Kaedah didik hibur merupakan kaedah pembaharuan yang telah diperkenalkan sebagai alternatif kepada kaedah pengajaran tradisional semasa proses pengajaran Bahasa Melayu. Namun, kebanyakan guru pendidikan Bahasa Melayu dilaporkan masih banyak mengamalkan pengajaran yang berpusatkan guru. Bertitik tolak daripada permasalahan itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan kaedah didik hibur dan masalah yang dihadapi oleh guru serta menguji hubungan di antara keduanya. Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data. Kajian ini juga telah melibatkan seramai 103 orang guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan di daerah Jasin, Melaka dengan menggunakan teknik persampelan bersistematik. Hasil analisis, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan di daerah Jasin, Melaka mempunyai tahap amalan kaedah didik hibur pada tahap sederhana. Ini kerana mereka selalu berdepan dengan masalah semasa melaksanakan kaedah didik hibur. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara tahap amalan kaedah didik hibur guru dengan masalah yang dihadapi oleh guru. Hasil ujian ini melaporkan bahawa terdapat segelintir guru yang tidak menguasai kaedah didik hibur sehingga mendorong mereka tidak mengunakannya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Dengan itu, untuk menyelesaikan isu ini maka kepakaran guru-guru cemerlang adalah diperlukan. Guru-guru cemerlang diharap dapat membantu dan mendemonstrasikan cara penggunaan kaedah didik hibur yang betul kepada guru-guru lain agar mereka menjadi mahir, serta selesa menggunakannya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Kata Kunci: *Amalan, Didik Hibur, Guru Bahasa Melayu, Masalah*

I. PENGENALAN

Revolusi pendidikan kini perlu disahut sepenuhnya dalam kalangan pendidik bagi memenuhi keperluan pembelajaran abad ke-21 (Joseline, 2017) [9]. Setiap warga pendidik perlu melakukan anjakan paradigma dan memperkemaskan keterampilan serta ilmu pengetahuan untuk menghadapi transformasi pendidikan pada abad ke-21 ini. Era revolusi industri telah pun memperlihatkan bahawa tugas utama guru kini bukan lagi berperanan sebagai penyampai ilmu pengetahuan kepada murid-murid semata-mata malah memastikan diri guru mempunyai amalan profesionalisme yang tinggi dan dinamik. Hal ini bagi memastikan guru-guru kekal profesional. Amalan pendidikan abad ke-21 dipercayai mampu melahirkan modal insan bertaraf antarabangsa (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025) [11].

Penerapan pembelajaran abad ke-21 perlu diberi perhatian melalui program latihan guru. Hal

ini kerana bagi memastikan setiap guru memainkan peranan penting untuk menggerakkan transformasi kurikulum terkini bagi melaksanakan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) dalam pengajaran terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Walaupun corak pendidikan konvensional pada abad ini telah berubah dan perlu fleksibel mengikut keadaan semasa, guru sepatutnya kreatif memilih kaedah pengajaran yang pelbagai mengikut kesesuaian corak pendidikan yang diperlukan. Dalam hal ini, pihak KPM telah mengambil pelbagai langkah untuk memperbanyakkan amalan kaedah pengajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014) [11]. Kaedah yang dimaksudkan ialah cara guru menyampaikan proses pengajaran dalam Bahasa Melayu untuk memudahkan kefahaman dalam proses pembelajaran. Antara kaedah pengajaran yang boleh digunakan adalah bercerita, bermain, perbincangan, latih tubi, menyelesaikan masalah, sumbngsaran, kuiz, lakonan, perbincangan dan projek. Pada tahun 2011, KPM telah melakukan transformasi kurikulum persekolahan dengan

mencadangkan pelaksanaan kaedah didik hibur dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). KSSR ini menekankan pendekatan kaedah didik hibur sebagai salah satu strategi pengajaran guru (Melvina, Norazah dan Jamaludin, 2018) [17].

Namun, amalan kaedah didik hibur ini bukanlah sesuatu yang baru dalam pendidikan negara. Penggunaan kaedah didik hibur sememangnya telah digunakan secara meluas dalam mata pelajaran yang lain. Penggunaan kaedah Didik Hibur ini adalah diadaptasikan menerusi pendekatan '*Fun Learning*' yang digunakan secara meluas dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris ke dalam topik yang sesuai dalam mata pelajaran yang lain di seluruh dunia. Pembelajaran berasaskan kaedah ini dapat memberikan kesan dari segi persepsi guru, motivasi guru dan amalan guru semasa melaksanakannya (Siu dan Kai, 2021) [32].

Tujuan kaedah didik hibur ini diperkenalkan oleh KPM di peringkat sekolah rendah adalah untuk merealisasikan hasrat transformasi pengajaran dalam bilik darjah dan menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif (Abdul, Nurul Nadiyah dan Shamsudin, 2016) [1]. Kaedah ini digunakan oleh guru-guru Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan bertujuan untuk menjadikan sesi pengajaran lebih menyeronokkan. Ini kerana kaedah didik hibur mempunyai unsur-unsur jenaka, unsur estetik dan sebagainya (Tay, 2015) [34]. Rentetan itu, guru Bahasa Melayu boleh menggunakan kaedah ini dalam sesi pengajaran mereka agar dapat meningkatkan kualiti amalan pengajaran guru secara berterusan.

Pengajaran guru pendidikan Bahasa Melayu dilaporkan masih banyak mengamalkan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan guru. Teknik pengajaran yang digunakan adalah '*chalk and talk*'. Teknik ini menyebabkan murid berasa bosan dan tidak tertarik dengan sesi pembelajaran (Norlela dan Shamsudin, 2020) [22]. Murid juga dilaporkan kurang menghayati isi kandungan pelajaran Bahasa Melayu terutamanya di Sekolah Jenis Kebangsaan (Chew, 2016) [5]. Guru juga didapati banyak memberi tumpuan kepada kemahiran menjawab soalan peperiksaan dan hafalan fakta (Norzaharah, 2011) [25]. Permasalahan ini menggambarkan kaedah pengajaran yang dipraktikkan oleh guru perlu diubah kepada bersifat inovatif dan kreatif.

Pelaksanaan pengajaran dengan penggunaan kaedah didik hibur dalam norma baharu ini sebenarnya masih sangat kurang digunakan oleh guru (Ardani et al, 2018) [3]. Ramai kalangan guru masih kurang mahir dan tidak selesa menggunakannya. Malah ramai guru dilaporkan berasa tidak yakin untuk menggunakan kaedah didik

hibur. Akibat dari perasaan tidak yakin tersebut, mereka merasa terbeban dengan perubahan yang memerlukan mereka menggunakan kaedah pengajaran baharu dalam pengajaran. Mereka juga berasa takut untuk mencuba kaedah pengajaran yang baharu (Salimiah, Zamri, 2021 dan Deirdre, 2013) [29].

Rentetan dengan permasalahan di atas, guru digalakkan untuk menggunakan kaedah didik hibur dalam proses pengajaran Bahasa Melayu. Ia bertujuan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan seterusnya dapat membantu kelancaran interaksi guru dengan murid. Mengintegrasikan permainan ke dalam pengajaran bahasa mendatangkan pelbagai kebaikan kerana permainan dapat mengukuhkan makna sebenar dalam pembelajaran bahasa (Tuan dan Doan, 2010) [35]. Kaedah didik hibur ini juga dapat membantu mengurangkan formaliti dan batasan antara guru dan pelajar terutamanya di Sekolah Jenis Kebangsaan. Namun dilaporkan pelaksanaan kaedah didik hibur hingga kini dalam pengajaran, khususnya dalam Bahasa Melayu masih lagi berada pada tahap rendah (Nora'azian dan Fadzilah, 2018) [20]. Oleh demikian, satu kajian perlu dilaksanakan yang bertujuan untuk: 1. mengenal pasti tahap amalan kaedah didik hibur 2. mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru; serta 3. menguji hubungan di antara tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan semasa melaksanakan kaedah didik hibur.

II. KAJIAN LITERATUR

A. Pelaksanaan Kaedah Didik Hibur

Pihak kerajaan telah memperkenalkan kaedah didik hibur sebagai satu cara untuk membantu merealisasikan hasrat untuk mentransformasikan negara. Kebiasaannya kaedah ini kerap digunakan di sekolah rendah untuk menarik minat pelajar dan membantu mereka mengembangkan minat untuk belajar. Pelaksanaan kaedah ini menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih interaktif serta memahami kehendak murid (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013) [11].

Didik hibur diperkenalkan sebagai satu kaedah dalam pengajaran yang dapat menyediakan murid yang berkebolehan untuk berintegrasi dengan menggunakan hasil yang telah dipelajari dalam modul berdasarkan aktiviti yang seronok yang memberikan pengetahuan kepada mereka (Pauline dan Zuraini, 2022) [27]. Manakala, menurut Norlela dan Shamsudin (2020) [22], dalam kajiannya didik hibur bermaksud kaedah yang digunakan untuk mendidik murid sambil berhibur yang bersifat santai dan menyeronokkan. Tujuan pelaksanaan didik hibur supaya mewujudkan sesi pengajaran yang menyeronokkan dan mudah diikuti oleh murid-

murid. Pelaksanaan kaedah ini juga berfokuskan kepada penguasaan kemahiran asas dalam kalangan murid. Mazlan (2016) [16] berpendapat kaedah didik hibur ini bersesuaian dengan pengajaran dan pembelajaran kini. Hal ini kerana kaedah ini merangkumi elemen berhibur oleh murid seperti bercerita, lakonan, nyanyian dan jenaka dapat menarik minat murid dalam proses pengajaran. Ianya juga dapat memastikan pengajaran yang bersistematik. Kaedah ini juga dapat membantu untuk meningkatkan kualiti belajar murid.

Menurut Ramlah, Nor Afni dan Siti Fathimah (2016) [28], pengaplikasian kaedah didik hibur dapat membantu meningkatkan literasi kanak-kanak mahupun murid-murid. Ketika melaksanakan kaedah ini, guru dapat memastikan murid-murid mewujudkan hubungan dengan rakan sekelas mereka. Murid juga akan berfikir secara kreatif untuk membuat keputusan dan penilaian serta menganalisis dengan baik ketika sesuatu tugas diberikan kepada mereka. Hal ini dapat melahirkan daya kreativiti dalam diri murid dan meningkatkan tahap kaedah sendiri tanpa had.

Abdul, Nurul Nadiah dan Shamsudin (2016) [1], menyatakan bahawa sekiranya proses pengajaran dalam bilik darjah tidak sentiasa kreatif dan inovatif, pelajar akan cepat bosan dan beranggapan menulis karangan Bahasa Melayu merupakan satu cabaran dan susah untuk kuasai kerana mempunyai usaha yang tinggi. Kaedah pengajaran yang menyeronokkan yang boleh membantu pelajar mengatasi kelemahan mereka dalam penulisan karangan adalah sangat penting untuk mendapatkan hasil yang terbaik daripada usaha mereka. Hal ini dapat diatasi dengan mengeksploitasi bahan-bahan tertentu yang boleh memfokuskan fikiran mereka kepada tajuk karangan yang akan ditulis. Kajian ini selari dengan kajian Zanariah dan Zamri (2017) [37], yang mengatakan pendekatan didik hibur merupakan kaedah pengajaran yang lebih interaktif dan berpusatkan murid serta dapat membantu murid mengekalkan maklumat yang dipelajari dengan lebih baik.

Manu (2018) [15], mengatakan pelaksanaan kaedah didik hibur dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Namun, setiap elemen yang digunakan itu, guru seharusnya pastikan terlebih dahulu dan mengetahui bagaimana ia diaplikasikan ke dalam proses pembelajaran. Pengaplikasian mestilah secara menyeluruh. Hal ini demikian kerana keberkesanan proses pembelajaran selepas kemasukan unsur-unsur menyeronokkan pasti akan bergantung kepada satu sama lain. Maka, dapat dikatakan guru boleh menggunakan pedagogi yang bersesuaian di mana unsur keseronokan ditambah mengikut keperluan dan kategori tahap murid bagi memastikan objektif guru tercapai serta mendapat hasil yang positif. Manakala, menurut

Leni (2017) [14] dalam kajiannya pula pelaksanaan didik hibur mempunyai kelemahan sekiranya guru tidak kreatif melaksanakannya, maka guru tidak dapat mewujudkan interaksi antara guru dan murid. Hal ini akan menyebabkan guru tidak mencapai objektif pengajarannya.

III. METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kuantitatif dengan kaedah tinjauan yang merupakan kajian berbentuk deskriptif. Ianya bertujuan untuk mengkaji dan menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Norfarahi et al. (2020) [21], kajian kaedah tinjauan merupakan satu proses tinjauan yang dilakukan oleh pengkaji terhadap keseluruhan populasi atau sampel. Kaedah ini juga dipilih kerana mudah dan sesuai diuruskan terhadap sampel kajian pada masa yang terhad (Fadilla & Zamri, 2019) [6].

Populasi dan persampelan

Populasi kajian ini terdiri daripada guru sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Pengkaji telah menetapkan 103 orang guru sebagai sampel kajian berdasarkan jadual penentuan saiz sampel yang disediakan oleh Krejcie dan Morgan (1970) [12]. Terdapat 19 buah sekolah jenis kebangsaan Cina dan lapan buah sekolah kebangsaan Tamil di daerah Jasin terlibat dalam kajian ini. Sampel dipilih secara bersistematik daripada dua jenis sekolah iaitu seramai 54 orang guru Bahasa Melayu dari SJK Cina dan 49 orang guru dari SJK Tamil. Sampel kajian merupakan guru Bahasa Melayu yang mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan daripada 19 buah SJK Cina dan lapan buah SJK (Tamil).

Instrumen kajian

Bagi mengumpul data dalam kajian ini instrumen borang soal selidik berskala likert telah digunakan. Soal selidik kajian ini telah diadaptasikan daripada Tan dan Ruhizan (2022) [33]. Soal selidik digunakan bagi mendapatkan data mengenai tahap amalan kaedah didik hibur yang digunakan dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan semasa pelaksanaan kaedah didik hibur. Dengan ini, kandungan soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian seperti dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Bahagian- bahagian dalam borang soal selidik

Bahagian	Perkara
Bahagian A	Latar belakang responden
Bahagian B	Amalan kaedah didik hibur yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu
Bahagian C	Masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu semasa pelaksanaan kaedah didik hibur

Setiap bahagian mengandungi 10 item, responden perlu memilih jawapan yang paling tepat berdasarkan pernyataan yang dikemukakan dalam setiap item. Pernyataan dalam item adalah bersifat tertutup. Pernyataan tertutup dipilih kerana ia mudah dikendalikan dan dianalisis jawapannya. Maklumat yang diperoleh juga lebih teratur dan jelas, serta hasil analisisnya mudah dijelaskan dengan berkesan. Dalam bahagian B skala likert lima mata telah digunakan sementara analisis data bagi mengukur tahap pula, adalah merujuk kepada Jadual 2:

Jadual 3.2: Skor min skala Likert Lima Mata

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah (R)
2.34 – 3.66	Sederhana (S)
3.67 – 5.00	Tinggi (T)

Sumber: Amiruddin et al. (2016)

Seterusnya, bahagian C adalah bahagian yang ingin mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu semasa pelaksanaan kaedah didik hibur. Soal selidik skala likert empat mata telah digunakan untuk bahagian ini dan bagi mengukur tahap pula, Jadual 3.3 adalah dirujuk.

Jadual 3.3: Skor min skala likert empat mata

Skor Min	Tahap
0.00 – 1.33	Rendah (R)
1.34 – 2.66	Sederhana (S)
2.67 – 4.00	Tinggi (T)

Sumber: Ling (2017)

Kesahan dan kebolehppercayaan

Kesahan soal selidik telah diuji dengan menggunakan perisian SPSS versi 27 manakala koefisien kebolehppercayaan pula menggunakan Alpha Cronbach. Dapatan kajian rintis adalah $\alpha=0.773$ nilai kebolehppercayaan item soal selidik. Menurut Mohd Faizal & Leow (2017) [18], nilai Alpha Cronbach yang boleh diterima adalah di antara 0.50-0.80 ke atas. Jadi, soal selidik bagi kajian ini mempunyai nilai alpha yang baik dan boleh digunakan dalam kajian sebenar.

IV. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sampel kajian ini terdiri daripada guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan yang melaksanakan kaedah didik hibur di daerah Jasin. Dapatan berkaitan dengan demografi sampel kajian adalah seperti dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1: Demografi Sampel Kajian

Pembolehubah		Frekuensi (f)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	42	40.8
	Perempuan	61	59.2
Umur	24 hingga 30 tahun	31	30.1
	31 hingga 40 tahun	39	37.9
	41 hingga 50 tahun	25	24.3
	51 hingga 60 tahun	8	7.8
Kaum	Melayu	49	47.6
	Cina	23	22.3
	India	26	25.2
	Lain-lain	5	4.9
Kelulusan Tertinggi	Diploma Pendidikan	25	24.3
	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	51	49.5
	Sarjana Pendidikan	25	24.3
	Doktor Falsafah	2	1.9
Pengalaman Mengajar	Kurang 3 tahun (Guru Novis)	23	22.3
	4 hingga 10 tahun	35	34.0
	11 hingga 15 tahun	20	19.4
	16 hingga 20 tahun	21	20.4
	21 tahun dan ke atas	4	3.9
Pengkhususan	Major Bahasa Melayu	38	36.9
	Minor Bahasa Melayu	35	34.0
Jenis Sekolah	Bukan Opsyen	30	29.1
	Cina	54	52.4
	Tamil	49	47.6

Jadual berikut menunjukkan bilangan responden yang telah terlibat dalam kajian iaitu 103 orang guru Bahasa Melayu secara keseluruhannya di mana 42 orang guru merupakan lelaki iaitu 40.8% dan 61 orang guru ialah perempuan (59.2%). Berdasarkan Jadual 4 tersebut didapati terdapat empat kategori umur. 24 hingga 30 tahun sebanyak 31 orang guru iaitu 30.1%, 31 hingga 40 tahun seramai 39 orang guru (37.9%), 41 hingga 50 tahun seramai 25 orang guru (24.3%) dan selebihnya 7.8% mewakili 8 orang guru berumur 51 hingga 60 tahun.

Kekerapan bagi kaum pula menunjukkan guru yang berbangsa Melayu lebih tinggi peratusnya iaitu 49 orang (47.6%) diikuti guru berbangsa India seramai 26 orang (25.2%), guru berbangsa Cina seramai 23 orang (22.3%) dan bangsa yang dikategorikan sebagai lain-lain seramai 5 orang guru (4.9%). Bagi kelulusan tertinggi pula dibahagikan kepada empat kategori iaitu diploma pendidikan, ijazah sarjana muda pendidikan, sarjana pendidikan dan doktor falsafah. Bagi kategori diploma pendidikan dan sarjana pendidikan mempunyai jumlah yang sama iaitu terdiri daripada 25 orang guru iaitu sebanyak 24.3%, kategori ijazah sarjana muda pendidikan sebanyak 51 orang guru (49.5%) dan kategori doktor falsafah yang terdiri daripada 2 orang guru (1.9%).

Pengalaman mengajar dibahagikan kepada lima kategori iaitu kurang tiga tahun (Guru Novis), empat hingga 10 tahun, 11 hingga 15 tahun, 16 hingga 20 tahun dan 21 tahun ke atas. Kategori kurang tiga tahun (Guru Novis) terdiri daripada 23 orang guru (22.3%), diikuti empat hingga 10 tahun sebanyak 35 orang guru (34.0%), 11 hingga 15 tahun sebanyak 20 orang guru iaitu (19.4%), 16 hingga 20 tahun sebanyak 21 orang guru (20.4) dan 21 tahun ke atas pula sebanyak 4 orang guru iaitu 3.9%.

Pengkhususan pula dibahagikan kepada tiga kategori iaitu major Bahasa Melayu, minor Bahasa Melayu dan bukan opsyen. Bagi kategori major Bahasa Melayu terdiri daripada 38 orang guru iaitu sebanyak 36.9% yang mempunyai nilai kekerapan yang tinggi diikuti dengan 35 orang guru (34.0%) dari kategori minor Bahasa Melayu dan selebihnya 30 orang guru (29.1%) daripada kategori bukan opsyen. Akhir sekali bagi jenis sekolah kebangsaan pula dikategorikan kepada dua iaitu Cina dan Tamil. Kategori SJK (Cina) mempunyai nilai kekerapan yang tinggi dari SJK (Tamil) iaitu terdiri daripada 54 orang guru (52.4%) dan SJK (Tamil) pula 49 orang guru iaitu sebanyak 47.6%.

Soalan Kajian Pertama: Mengenal pasti Tahap Amalan Kaedah Didik Hibur oleh Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan.

Jadual 4.2 menunjukkan dapatan bagi tahap amalan kaedah didik hibur oleh guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan.

Jadual 4.2: Frekuensi dan Peratusan Pernyataan (Amalan Kaedah Didik Hibur)

Item	Kekerapan dan peratusan				
	STS (n/ %)	TS (n/ %)	KS (n/ %)	S (n/ %)	SS (n/ %)
1. Saya sentiasa membuat rancangan pengajaran	9 8.7	32 31.1	28 27.2	20 19.4	14 13.6

	yang rapi sebelum sesi pengajaran Bahasa Melayu.					
2	Saya mengelola pengajaran dengan menggunakan kaedah didik hibur dengan masa yang sesuai	7 6.8	34 33.0	28 27.2	21 20.4	13 12.6
3	Saya sentiasa memberi latihan berkaitan dengan pelajaran berdasarkan bahan menggunakan kaedah didik hibur	19 18.4	40 38.8	31 30.1	10 9.7	3 2.9
4.	Saya menggunakan bahan bantu mengajar kaedah didik hibur yang lebih kreatif agar pengajaran Bahasa Melayu lebih berkesan dan seronok.	24 23.3	39 37.9	23 22.3	11 10.7	6 5.8
5	Saya gemar berbincang dengan murid mengenai idea dengan menggunakan kaedah didik hibur	24 23.3	42 40.8	28 27.2	6 5.8	3 2.9
6	Saya mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap pelaksanaan kaedah didik hibur dalam Bahasa Melayu.	5 4.9	35 34.0	28 27.2	19 18.4	16 15.5

7	Saya sentiasa memberi peluang kepada murid memberikan pandangan semasa pengajaran	8 7.8	32 31.1	32 31.1	18 17.5	13 12.6
8	Saya sentiasa membuat refleksi pengajaran Bahasa Melayu dengan kaedah didik hibur	7 6.8	30 29.1	31 30.1	23 22.3	12 11.7
9	Saya melaksanakan kemahiran membaca Bahasa Melayu dengan menggunakan kaedah didik hibur	7 6.8	35 34.0	25 24.3	20 19.4	16 15.5
10	Saya menggunakan teknik didik hibur dalam aktiviti-aktiviti pengajaran Bahasa Melayu	7 6.8	35 34.0	25 24.3	22 21.4	14 13.6
Skor min dan sisihan piawai keseluruhan			2.80	0.967	Sederhana	

Berdasarkan Jadual 4.2, hasil analisis keseluruhan bagi tahap amalan kaedah didik hibur yang digunakan oleh Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan semasa pengajaran adalah pada tahap yang sederhana, dengan min keseluruhan 2.80 dan $sp=0.967$ dimana majoriti daripada 103 orang guru tidak mengamalkan kaedah didik hibur.

Data untuk setiap pernyataan dalam Jadual 4.2 menggambarkan peratus persetujuan responden untuk setiap item cenderung kepada skala Skala Tidak Setuju, Tidak Setuju dan Kurang Setuju. Pernyataan 'saya gemar berbincang dengan murid mengenai idea dengan menggunakan kaedah didik hibur' merupakan item yang mempunyai nilai peratus persetujuan yang rendah iaitu 8.7%. Ini menunjukkan bahawa guru tidak gemar mengamalkan kaedah didik hibur dalam pengajaran

Bahasa Melayu. Hal ini disebabkan oleh sikap guru yang lebih gemar dalam melaksanakan pengajaran berkonsepkan kaedah tradisional di dalam bilik darjah sehingga tidak gemar mengaplikasikan kaedah terkini dalam pengajaran (Norlela dan Shamsudin, 2020) [22]. Oleh itu, guru berperanan penting dalam mengubah kaedah pengajaran yang berkesan mengikut perubahan semasa dengan mempelbagaikan teknik pengajaran (Layang dan Jamaludin, 2018) [13].

Soalan Kajian Kedua: Mengenal pasti Masalah yang dihadapi oleh Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan.

Bahagian ini membincangkan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan mengikut frekuensi dan peratusan. Dapatan masalah yang dihadapi oleh guru Sekolah Jenis Kebangsaan semasa melaksanakan kaedah didik hibur dipaparkan dalam Jadual 4.3.

Jadual 4.3: Frekuensi dan Peratusan Pernyataan (Masalah yang dihadapi oleh Guru)

Item	Kekerapan dan peratusan			
	STM (n/ %)	TM (n/ %)	M (n/ %)	SM (n/ %)
1 Saya menghadapi kesukaran merancang pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu dengan kaedah didik hibur	34 33.0	22 21.4	41 39.8	6 5.8
2 Saya berasa sukar menentukan aktiviti-aktiviti yang melibatkan kreativiti pengajaran Bahasa Melayu	34 33.0	20 19.4	39 37.9	10 9.7
3 Saya menghadapi kesukaran dalam pengurusan masa ketika menggunakan kaedah didik hibur	34 33.0	19 18.4	40 38.8	10 9.7
4 Saya menghadapi kekurangan	34 33.0	19 18.4	38 36.9	12 11.7

	bahan bantu belajar				
5	Saya mempunyai pengetahuan yang kurang mengenai pelaksanaan kaedah didik hiburan	23 22.3	15 14.6	54 52.4	11 10.7
6	Saya tidak begitu berkemahiran melaksanakan kaedah didik hiburan	35 34.0	29 28.2	36 35.0	3 2.9
7	Saya menghadapi kesukaran dalam melaksanakan strategi pengajaran dan memahami visi standard kurikulum	29 28.2	24 23.3	36 35.0	14 13.6
8	Murid menghadapi kesukaran kefahaman dengan mata pelajaran Bahasa Melayu	35 34.0	29 28.2	36 35.0	3 2.9
9	Sikap murid yang menghadapi masalah untuk membaca semasa pelaksanaan kaedah didik hiburan	35 34.0	29 28.2	36 35.0	3 2.9
10	Saya menghadapi kesukaran untuk mewujudkan komunikasi berkesan antara guru dengan murid	29 28.2	24 23.3	36 35.0	14 13.6
Skor min dan sisihan piawai keseluruhan		2.23	0.850	Sederhana	

Berdasarkan Jadual 4.3, hasil analisis keseluruhan bagi masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan semasa melaksanakan kaedah didik hiburan adalah pada tahap yang sederhana dengan min keseluruhan 2.23 dan $s_p=0.850$. Ini bermakna bahawa majoriti guru berhadapan dengan masalah semasa melaksanakan kaedah didik hiburan.

Majoriti pernyataan dalam Jadual 4.3, menggambarkan peratus persetujuan oleh setiap responden untuk setiap item cenderung kepada skala Mempengaruhi. Sebagai contohnya, item 1 iaitu pernyataan 'saya menghadapi kesukaran merancang pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu dengan kaedah didik hiburan' dengan peratus persetujuan sebanyak 39.8%. Ini bermakna guru menghadapi masalah membuat perancangan semasa melaksanakan kaedah didik hiburan. Dapatan kajian selari dengan hasil kajian Zanariah dan Zamri (2017) [37] yang mendapati guru mempunyai kelemahan dalam perancangan pengajaran. Ini menyebabkan kesukaran guru untuk mencapai objektif dan mewujudkan komunikasi dua hala dalam bilik darjah. Selain itu, item 6 iaitu 'saya berkemahiran melaksanakan kaedah didik hiburan' mempunyai peratus persetujuan yang rendah sebanyak 37.9%. Ini menunjukkan majoriti guru yang kurang berkemahiran dalam melaksanakan kaedah didik hiburan. Dapatan kajian selari dengan hasil kajian Tan dan Ruhizan (2018) [33] yang mendapati tahap kemahiran guru yang sederhana di kalangan guru semasa melaksanakan kaedah didik hiburan. Tahap professional yang tinggi dan melengkapkan diri dengan menguasai kelebihan dalam setiap kaedah strategi pengajaran yang hendak digunakan. Ini membolehkan guru mempunyai pengetahuan mengenai pendekatan tersebut topik pelajaran.

Oleh itu, guru-guru haruslah mengambil inisiatif yang sesuai untuk mengatasi masalah yang dihadapi semasa melaksanakan kaedah didik hiburan ini dengan belajar dan memahami kepentingan kaedah ini. Majoriti guru sukar untuk melaksanakan kaedah pengajaran yang bersesuaian kerana menghadapi masalah sikap dan kesukaran kefahaman oleh murid (Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla, 2020) [31]. Secara tidak langsung diharapkan dengan penguasaan para guru dalam pelaksanaan kaedah didik hiburan ini akan dapat membantu mereka memudahkan murid untuk memahami, menghayati dan menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu yang dianggap membosankan di Sekolah Jenis Kebangsaan.

Soalan Kajian 3: Menguji Hubungan Di Antara Tahap Amalan Kaedah Didik Hibur dan Masalah yang Dihadapi oleh Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan.

Jadual 4.4 menunjukkan hubungan di antara tahap amalan kaedah didik hiburan dan masalah yang dihadapi guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan dengan pelaksanaan kaedah didik hiburan.

Jadual 4.4: Hubungan Korelasi antara Tahap Amalan Kaedah Didik Hibur Dan Masalah Yang Dihadapi Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan

		Masalah yang dihadapi oleh guru
Tahap amalan kaedah didik hiburan	Korelasi Pearson	-.634**
	Sig. (2-tailed)	<.001
	n	103
** <i>. Pekali korelasi signifikan pada aras 0.01 (2-tailed).</i>		

Berdasarkan dapatan analisis korelasi, terdapat hubungan yang signifikan antara tahap amalan kaedah didik hiburan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan terhadap pelaksanaan kaedah didik hiburan. Kajian ini mendapati bahawa nilai pekali Korelasi Pearson antara tahap amalan guru dan masalah yang dihadapi oleh guru Sekolah Jenis Kebangsaan adalah $r = -0.634$, $P < 0.00$ ($p < 0.05$). Nilai korelasi negatif menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah berhubung antara satu sama lain secara songsang. Semakin rendah tahap amalan kaedah didik hiburan yang digunakan oleh guru semakin tinggi masalah yang akan dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan semasa melaksanakan kaedah didik hiburan. Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui analisis kajian di mana ramai guru Bahasa Melayu SJK berhadapan dengan masalah terutamanya dari segi merancang, menentukan aktiviti, pengurusan masa, kekurangan bahan bantu mengajar, dan untuk mewujudkan komunikasi berkesan antara guru dan murid. Dapatan juga selari dengan dapatan kajian Carine dan Ruhizan (2022) [4] yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara cabaran pelaksanaan dan tahap pelaksanaan kaedah edutainment dalam kalangan guru. Bagaimanapun, amalan pelaksanaan kaedah didik hiburan bergantung kepada guru itu sendiri sama ada berusaha melaksanakannya dengan sebaik mungkin walaupun berhadapan dengan pelbagai kekangan ataupun disebaliknya (Ali & Rahman, 2016) [2].

V. IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan kaedah didik hiburan dan masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan di daerah Jasin pada tahap yang sederhana. Dapatan kajian ini membuktikan hanya sebilangan kecil guru sahaja yang mendapat pendedahan dengan pendekatan

kaedah didik hiburan ini secara formal dan ternyata ia tidak mencukupi. Kepakaran daripada guru-guru cemerlang yang menguasai kaedah ini amat diperlukan bagi membantu guru-guru lebih mengenali, mahir, selesa untuk menggunakannya serta mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka dalam pengajaran. Kajian ini dapat memberikan implikasi kepada beberapa pihak yang berkaitan agar sama-sama dapat mempertingkatkan lagi tahap amalan kaedah didik hiburan dan mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana bagi membantu guru mendapatkan ilmu pedagogi yang sentiasa berubah dan terkini. Guru perlu mengambil inisiatif untuk belajar dan memahami kepentingan kaedah ini. Ini dapat meningkatkan profesionalisme guru dari sudut intelek, emosi, kemahiran dan sikap.




RUJUKAN

- [1] Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali, Shamsudin Othman. 2016. Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1): 39-45.
- [2] Ali, N. M., & Rahman, F. A. 2016. Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Daerah Petaling Perdana. *International Journal of Education and Training*, 2(2), 1-8
- [3] Ardani, R.A, Handican, R, Salsabila, N.H. dan Setyaningrum. 2018. The Perceptions of Students and Teachers About The Use of Edutainment Instructional Media In Mathematics Learning. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 160(1): 228- 234.
- [4] Carine Care Simon dan Ruhizan Mohd Yasin. 2022. Pelaksanaan Pendekatan Kaedah Edutainment dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah-Sekolah Luar Bandar di Sabah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 4(1): 113-126.
- [5] Chew Fong Peng. 2016. Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 6(2): 10-22.
- [6] Fadilla Anak Layang dan Zamri Mahamod. 2019. Tahap Pengetahuan, Kesiediaan dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Peta Pemikiran i-Think (Knowledge, Readiness and Attitude of Malay Language Primary School Teachers at Kapit district to Implementing i-Think Map in Teaching and Learning). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 44(1): 37-44
- [7] Ilias, M. F., Ismail, M. F., & Jasmi, K. A. 2013. Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Oleh Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Bestari. Kertas Dibentangkan Dalam 3rd International Conference On Islamic Education, EPF Institute, Kajang, Selangor
- [8] Jamian, A. R. & Ismail. H. 2013. Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 3: 49-62.
- [9] Joseline M. Santos. 2017. 21st Century Learning Skills: A Challenge in Every Classroom. *International Journal of Emerging Multidisciplinary Research* 1(1): 31-35.
- [10] Kementerian Pendidikan Malaysia. 2010. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010)*. Edisi Pelancaran PIPP 2006. Diterbitkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).
- [11] Kementerian Pelajaran Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah)*, Ms 7-8. <https://www.moe.gov.my/dasarmenu/pelan-pembangunan-pendidikan-2013-2025>
- [12] Krejcie, R.V. & Morgan. 1970. Determining Sample Saiz For Research Activities. *Educational And Psychological Measurement*, 30 (3):607-610.
- [13] Layang Ugek dan Jamaludin Badusah. 2018. Amalan Dan Masalah Pengajaran Literasi Bahasa Guru Bahasa Melayu Ketika Mengajar Murid Penan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 8(2): 25-38.
- [14] Leni Layannah. 2017. Menciptakan Pembelajaran Fun Learning Based On Scientific Approach Dalam Pembentukan Karakter Peserta Didik Pada Pembelajaran Pai. *Tarbawy Indonesian Journal Of Education*, 4 (1): 1-9.
- [15] Manu Melwin Joy. 2018. Can Learning Be Fun? <https://www.researchgate.net/institution/Cochin-University-of-Science-and-Technology> (Diakses pada 30 Disember 2022)
- [16] Mazlan Ismail. 2016. *Didik Hibur dan Seni Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Muka surat 156.
- [17] Melvina Chung Hui Ching, Norazah Mohd Nordin dan Jamaludin Badusah. 2018. Penggunaan Kaedah Didik Hibur Melalui Permainan Interaktif Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. <https://sted18.files.wordpress.com/2018/12/1-1-melvina-chung-hui-ching-norazah-mohd-nordin-jamaludin-badusah.pdf>

- [18] Mohd Faizal Nizam dan Leow Tze Wei. 2017. Kesahan dan Kebolehppercayaan Instrumen Penilaian Kendiri Pembelajaran Geometri Tingkatan Satu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 14(1): 211-265. <https://123dok.com/document/q20n1xpz-penggunaan-pembelajaran-matematik-kalangan-sekolah-rendah-rampai-hisamudin.html> (Diakses pada 23 November 2022)
- [19] Muhammad Fadhil, Mahzan dan Norul Haida. 2021. Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Berasaskan Pendekatan Didik Hibur Di Sekolah Rendah. *International Journal of Aquatic Science* 12(2): 2976- 2986.
- [20] Nora'azian Nahar dan Fadzilah Abd. Rahman. Tahap Penguasaan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 8(1): 74-83.
- [21] Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa Hamzah dan Khadijah Abdul Razak. 2020. Faktor Pendorong Kreativiti Dalam Kalangan Pelajar Politeknik (Motivating Factors for Creativity Among Polytechnic Students). *Asian People Journal* 3(2),77-85.
- [22] Norlela Ahmad dan Shamsudin Othman. 2020. Penggunaan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *International Journal of Education and Training (InJET)* 6(2): 1-11.
- [23] Normiati Batjo, Abdul Said Ambotang, Mohd Suhaimi Taat, Musirinmosin, Abdull Sukor Shaari & Roslee Talip. 2021. Pengaruh Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Kualiti Guru Sekolah Rendah Luar Bandar Di Sabah. *Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2): 202-113.
- [24] Nor Shela Saleh dan Mohd Shafie Rosli. 2019. Kepentingan Pembelajaran Abad ke 21 terhadap Potensi Kebolehpasaran Modal Insan. *Innovative Teaching and Learning Journal* 2 (2), 71-81.
- [25] Norzaharah Yahya. 2011. Keberkesanan Teknik Scaffolding Secara Berkumpulan Terhadap Pendidikan Sirah. Disertasi Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- [26] Nur Aliah Izzaty Binti Hisamudin. 2019. Penggunaan Kaedah Didik Hibur untuk Pembelajaran Matematik Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Taman Sri Rampai. Pusat Kebudayaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- [27] Pauline Unjong dan Zuraini Seruji. 2022. Pelaksanaan Didik Hibur Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Membaca Bahasa Melayu Murid Linus Tahun 3. *Asian People Journal* 5(1): 22-30.
- [28] Ramlah Bt. Jantan, Nor Afni Bt. Resad, Siti Fathimah Az-Zahra Bt. Mohd. Fauzi. 2016. Aktiviti Didik Hibur Dalam Kalangan Guru Prasekolah di Daerah Gombak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Jilid* 5: 19-29.
- [29] Salimiah@Sazarinah Jamili1 & Zamri Mahamod. 2021. Perbezaan Penerapan Aktiviti Didik Hibur Secara Bersemuka Dan Dalam Talian Berdasarkan Jantina Dan Pengalaman Mengajar Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 40-49. <https://spaj.ukm.my/jpbm>
- [30] Siti Aisyah Sembai Aban Abdullah dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2022. Cabaran Pengaplikasian Pendekatan Didik Hibur Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Dari Aspek Kemahiran Membaca Dalam Talian. *Jurnal Dunia Pendidikan* 4(1): 349-362.
- [31] Siti Nurbaizura Che Azizan dan Nurfaradilla Mohamad Nasri. 2020. Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL)semasa tempoh Pandemik COVID-19. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* 11: 46-57.
- [32] Siu Yin Cheung dan Kai Yin Ng. 2021. Application of the Educational Game to Enhance Student Learning. *Frontiers in Education* 6 (623793): 1-10.
- [33] Tan Ching dan Ruhizan Mohammad Yasin. 2022. Penerapan Kaedah Didik Hibur Dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Luar Bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan* 4(1): 459-474.
- [34] Tay Meng Guat. 2015. Pembelajaran Menyeronokkan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL* Jilid 12: 1-16.

- [35] Tuan, L.T dan Doan, N.T.M. 2010. Teaching English Grammar Through Games. *Studies in Literature and Language* 1(7): 64-72.
- [36] Zaleha Abu Bakar. 2011. *Kreativiti Guru Meningkatkan Minat Pelajar dan Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Dalam Azizul Rahman Mohammad Saleh Rahamad*. 447-497 MDK Intelek Enterprise.
- [37] Zanariah Wahab dan Zamri Mahamod. 2017. Pengetahuan, Kemahiran Pelaksanaan Dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Terhadap Pendekatan Didik Hibur. <https://seminarserantau2017.files.wordpress.com/2017/09/3-zanariah-binti-wahab-zamri-mahamod.pdf> (Diakses pada 14 November 2022)

MAKLUMAT PENULIS

<p>Penulis Pertama: Sivasanggari Saktianayakan</p> 	<p>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia E-mail: shivasanggari9803@gmail.com</p>
<p>Penulis Kedua: Prof. Dr. Zamri Mahamod</p> 	<p>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia E-mail: d-zam@ukm.edu.my</p>
<p>Penulis Ketiga: Prof. Dr. Norasmah Bt. Othman</p> 	<p>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia E-mail: lin@ukm.edu.my</p>